

18/02/1999

Niz Aziz diminta perjelas konsep negara Islam

KOTA BHARU, Rabu - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat diminta menjelaskan konsep negara Islam yang diperjuangkannya sebelum menuduh Kerajaan Pusat mengamalkan dasar sekular.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Senator Datuk Ibrahim Ali, berkata penjelasan itu perlu bagi mengelak kekeliruan rakyat berhubung dasar yang diperjuangkan untuk menegakkan sebuah negara Islam di negara ini.

Katanya, Nik Aziz juga hendaklah membuktikan apa yang dimaksudkan dengan pemerintahan sekular yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

"Saya nak tanya Nik Aziz apakah konsep negara Islam yang diperjuangkannya dan di mana silapnya corak pemerintahan yang dibawa oleh kerajaan BN," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat dari Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK), Datuk Azman Abdul Rashid, di sini hari ini.

Ibrahim mengadakan lawatan pertama di JPPK selepas beliau berada dalam Kabinet dan dipertanggungjawabkan oleh Perdana Menteri mengawasi perjalanan jabatan berkenaan.

Menurutnya, beliau bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri yang mendakwa Mursyidul Am Pas itu tidak faham dengan maksud sekular yang didakwa sebagai dasar perjuangan BN di negara ini.

Dr Mahathir dalam kenyataan di Kuala Lumpur semalam menyifatkan Nik Aziz terpengaruh dengan pemikiran Barat berhubung sekularisme yang berpendapat kehidupan di dunia terbahagi kepada agama dan kegiatan duniawi.

Menurut Perdana Menteri, Islam tidak membahagikan antara kehidupan di dunia dan agama kerana setiap perkara yang dilakukan umatnya membabitkan urusan keagamaan.

Beliau turut mempersoalkan pengakuan Menteri Besar Kelantan itu yang sebelum ini pernah membuat kenyataan jika Pas memerintah sekali pun parti itu tidak akan meminda perlembagaan berkaitan dengan kebebasan agama.

"Begitu juga dia (Nik Aziz) sekarang ini mengatakan mereka juga menghormati kebebasan agama lain sehingga beliau sendiri mengakui melawat kuil yang dulunya beliau sendiri mencacinya apabila orang Umno buat.

"Jadi bila sebut kerajaan sekular ni apa dia? Apa yang dia nak pindanya kerana semuanya sudah ada. Kalau soal moral dan akhlak ini masalah dakwah, masalah penghayatan Islam rakyat itu sendiri yang perlu digiatkan program dakwah.

"Tetapi dari segi kerajaan, pentadbiran dan politiknya apa yang dimaksudkan oleh Menteri Besar itu," katanya.

(END)